



**Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen e-Penyata (e-Statement) 01 Mac 2023 – 31 Disember 2023**  
**(Pindaan berkuat kuasa April 2023)**

**Tempoh Kempen**

1. Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menganjurkan Kempen e-Penyata (e-Statement) (“Kempen”).
2. Kempen ini bermula dari 01 Mac 2023 – 31 Disember 2023 (“Tempoh Kempen”).

**Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank Islam baharu dan sedia ada, yang mempunyai salah satu daripada produk berikut (selepas ini dirujuk sebagai Pelanggan yang Layak):
  - a. Akaun Deposit termasuk Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan;
  - b. Akaun Pelaburan Transaksi termasuk Akaun Pelaburan Al-Awfar dan/atau Akaun Pelaburan i-Gain;
  - c. Akaun pembiayaan termasuk pembiayaan peribadi, pembiayaan aliran tunai, pembiayaan rumah, kad kredit, dan pembiayaan kenderaan.

*Nota: Bagi pemegang akaun bersama dan akaun amanah (trust account), hanya pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini.*

2. Pelanggan-pelanggan berikut adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a. Semua kakitangan Bank Islam (tetap dan/atau kontrak) dan anak-anak syarikat;

**Mekanisme Kempen**

1. Pelanggan yang Layak berikut akan secara automatik layak untuk menyertai Kempen ini dan menyertai cabutan bertuah:
  - a. Pengguna Perbankan Internet Bank Islam sedia ada
  - b. Pengguna e-Penyata (e-Statement) sedia ada melalui e-mel
2. Pelanggan yang Layak yang tidak termasuk dalam para 1 di atas dikehendaki untuk menukar kepada e-Penyata (e-Statement) bagi produk-produk di atas sepanjang Tempoh Kempen untuk layak menyertai cabutan bertuah dengan melakukan salah satu daripada berikut:-
  - a. mendaftar sebagai pengguna Perbankan Internet Bank Islam
  - b. menyediakan/mengemas kini alamat e-mel di cawangan Bank Islam yang terdekat.  
Bagi Kad Kredit, Pelanggan yang Layak boleh juga melawat Pusat Kad Bank Islam di Aras 24, Menara Bank Islam, No 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

**Pemilihan Pemenang & Hadiah Kempen**

1. Pelanggan yang Layak yang memenuhi Mekanisme Kempen sepanjang Tempoh Kempen dan akaun status aktif, akan secara automatik mendapat satu peluang bagi menyertai cabutan bertuah untuk pemilihan pemenang.

2. *Satu (1) pemenang akan dipilih menggunakan enjin cabutan umum Bank Islam secara bulanan sepanjang Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.*
3. *Pemenang akan memenangi satu (1) unit iPhone 14 setiap seorang. Sebanyak sepuluh (10) unit iPhone 14 disediakan untuk Kempen ini.*
4. *Pemenang akan dimaklumkan menerusi laman web Bank Islam ([www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)) dan/atau panggilan telefon atau saluran komunikasi lain seperti mana yang dimaklumkan oleh Bank Islam. Semua Pemenang akan dihubungi untuk penebusan hadiah.*

#### **Syarat-syarat Am**

1. *Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen atau promosi kami.*
2. *Untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi kami, Pelanggan yang Layak mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Pelanggan yang Layak tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.*
3. *Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak:*
  - a) *akan memberikan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;*
  - b) *akan bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman web Bank Islam untuk tujuan Kempen ini (mana-mana yang terpakai); dan*
  - c) *akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.*
4. *Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ia tetap di bawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.*

5. *Hadiah-hadiah dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (jika ada).*
6. *Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (“as it is”) dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutnya harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.*
7. *Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web Bank Islam.*
8. *Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.*
9. *Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media yang dipilih oleh Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.*
10. *Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:*
  - a) *sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutnya hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini; dan*
  - b) *sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang Layak berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.*
  - c) *segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.*
11. *Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang dari empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan mahupun di laman web Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank Islam, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau*

*dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.*

12. *Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk melayari laman web Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.*
13. *Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Produk / Kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.*
14. *Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.*

***Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layari laman web kami di <https://www.bankislam.com>***